

Kerajaan teruskan projek pembangunan berimpak tinggi

Langkah Konsolidasi

Fiskal & Defisit Fiskal Negara



Percetakan & pembekalan



Sumber: Kementerian Kewangan

Oleh FADZIL ZAINOL

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 9 Jun - Kerajaan akan terus melaksanakan projek-projek pembangunan berimpak tinggi seperti aliran transit massa (MRT), aliran transit ringan (LRT) dan Lebuhraya Pan Borneo yang mempunyai kesan pengganda besar kepada ekonomi.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata, kerajaan komited untuk meneruskan langkah konsolidasi fiskal dan defisit fiskal negara dijangka dapat dikurangkan kepada 3.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun ini.

Beliau berkata, bagi menggalakkan industri tempatan, kerajaan akan melaksanakan inisiatif bagi merancakkan sektor eksport, industri pelancongan serta meningkatkan pelaburan dan penggunaan swasta.

Katanya, antara inisiatif tersebut adalah mengurangkan halangan perdagangan bukan tarif dalam kalangan anggota ASEAN, me-

ningkatkan akses pasaran di India, Asia Barat dan Eropah Timur, meluaskan peluang pasaran terhadap Penstrukturan Ekonomi China dengan penekanan industri halal, kewangan Islam, perkhidmatan kesihatan, pelancongan dan produk pertanian.

“Dengan langkah-langkah tersebut, kerajaan yakin unjuran pertumbuhan ekonomi domestik antara empat hingga 4.5 peratus boleh dicapai pada tahun ini,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah Ahmad Husni, antara usaha lain termasuklah memperluaskan kemudahan e-visa ke negara-negara lain seperti Rusia dan India, mempromosi

produk pelancongan khusus seperti ekopelancongan, pelancongan kesihatan dan tempat-tempat bersejarah.

Dalam pada itu, beliau berkata, pengambilan penjawat awam secara berhemat dan tidak membenarkan pelantikan perunding luar menjadi antara fokus kera-

jaan untuk mengoptimumkan perbelanjaan serta melaksanakan konsolidasi fiskal terhadap kewangan kerajaan dalam tahun ini.

Menurut Ahmad Husni, langkah itu dibuat bagi menghadapi cabaran semasa ekonomi global yang tidak menentu dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi dunia lebih perlahan daripada 3.4 peratus kepada 3.2 peratus mengikut unjuran Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan keadaan itu boleh memberi kesan kepada ekonomi domestik.

“Kementerian dan agensi dikehendaki melaksanakan perbelanjaan yang lebih berhemat seperti penyusunan semula program dan projek mengikut keutamaan, pengurusan pengambilan penjawat awam secara berhemat dan tidak mewujudkan unit atau institusi baharu.

“Pelantikan perunding luar tidak dibenarkan kecuali bagi projek berteknologi tinggi yang memerlukan kepakaran khusus. Lawatan rasmi dan bilangan pegawai ke luar negara dihadkan,” katanya.

Beliau berkata, penganjuran majlis di premis-premis kerajaan diutamakan selain mengurangkan kos pentadbiran seperti percetakan dan pembekalan.

Katanya, sektor swasta juga dilibatkan di dalam program anjuran kerajaan secara tanggungjawab sosial korporat (CSR).



AHMAD HUSNI HANADZLAH